

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN  
[ IPOH BARAT ]**

**TARIKH : 11 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN M. KULASEGARAN [ IPOH BARAT ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah drastik yang akan diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan peluang bagi pelajar India untuk melanjutkan pengajian ke latihan kemahiran TVET di mana laporan menunjukkan bahawa kurang daripada 1% pelajar India yang diterima masuk oleh Pusat TVET setakat ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Kursus-kursus yang ditawarkan di ILJTM adalah terbuka kepada semua peringkat masyarakat yang meliputi golongan belia lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sehingga kepada golongan pekerja industri. Peluang bagi menjalani latihan di ILJTM adalah terbuka tanpa mengira kaum.

Terdapat 32 buah Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) di bawah Kementerian Sumber manusia, terdiri daripada 23 buah Institut latihan Perindustrian (ILP), 8 buah Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), dan sebuah Japan-Malaysia Technical Institute (JMTI) di seluruh negara. Ianya terbuka kepada semua golongan belia daripada lepasan SPM dan pekerja untuk menyertai latihan kemahiran atau meningkatkan kemahiran bagi mengikuti kursus sepenuh masa atau separuh masa.

Pelbagai aktiviti promosi diadakan untuk menggalakkan rakyat menyertai latihan kemahiran atau meningkatkan kemahiran dengan menganjurkan pameran, memenuhi undangan ceramah kerjaya di sekolah-sekolah dan penganjuran pelbagai aktiviti yang melibatkan komuniti setempat.

Selain itu, ILJTM turut melibatkan diri dalam pelbagai karnival di peringkat Kebangsaan yang dianjurkan oleh pelbagai Kementerian yang berkaitan Latihan Kemahiran seperti 'Karnival Jom Masuk U' anjuran Kementerian Pendidikan dan Karnival & Ekspo Kemahiran Kebangsaan (KEKK) anjuran Jabatan Pembangunan Kemahiran dan lain-lain lagi.

JTM melalui Unit Promosi di setiap ILJTM di seluruh negara menganjurkan program promosi atau *outreach* kepada belia-belia Malaysia terutama anak-anak muda kawasan kampung bertujuan untuk

**SOALAN NO: 31**

memberi pendedahan kepada golongan sasaran mengenai program pembelajaran sepanjang hayat, dan memberi kesedaran kepada mereka mengenai peluang-peluang menyertai latihan kemahiran yang disediakan oleh JTM. Setiap tahun JTM membuat pengiklanan kemasukan ke ILJTM pada bulan Mac dan September di media elektronik utama, sementara aktiviti-aktiviti susulan dan promosi secara berterusan kepada rakyat dan kumpulan sasaran dilaksanakan oleh setiap ILJTM.

Hasil promosi yang intensif telah dilaksanakan pada hujung tahun 2019 melalui *Talk Show* ke daerah-daerah yang ramai penduduk India yang berhampiran dengan ILJTM seperti ILP Kuala Langat, ILP Kuala Lumpur, ILP Arumugam Pilai Nibong Tebal, ILP Kuantan dan ADTEC Melaka dengan NGO India melalui **Program Belia India** dan juga promosi melalui siaran radio berbahasa Tamil, JTM telah menerima permohonan yang begitu menggalakkan daripada belia India lepasan sekolah untuk mengikuti latihan. Daripada statistik data pendaftaran pelajar di dapati ada trend peningkatan bilangan pelajar India bagi kursus sepenuh masa yang memasuki ILJTM seperti jadual dibawah:

<b>Tahun</b>	<b>Bil. Pelajar keseluruhan</b>	<b>Bil. Pelajar India</b>	<b>% Pelajar India</b>
1/2019	2975	195	<b>7%</b>
2/2019	5464	324	<b>6%</b>
1/2020	3347	320	<b>10%</b>
2/2020	4031	253	<b>6%</b>
1/2021	Tiada pengambilan akibat pandemik covid-19		
2/2021	4408	355	<b>6%</b>

**SOALAN NO: 31**

Selain itu, JTM turut melaksanakan kursus jangka pendek yang berkonsepkan modular atau *customized*, dan ianya adalah terbuka kepada mereka yang berhasrat untuk meningkatkan kemahiran sedia ada ataupun mempelajari kemahiran-kemahiran baru sebagai persiapan memasuki pasaran pekerjaan. Daripada data peserta India yang mengikuti kursus jangka pendek yang berdaftar dengan ILJTM pula adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Bil. Pelajar keseluruhan</b>	<b>Bil. Pelajar India</b>	<b>% Pelajar India</b>
2018	<b>51,455</b>	<b>2,315</b>	<b>4.5%</b>
2019	<b>55,182</b>	<b>2,893</b>	<b>5.2%</b>
2020	<b>28,316</b>	<b>1,247</b>	<b>4.4%</b>
2021 (hingga Ogos)	<b>15,597</b>	<b>825</b>	<b>5.3%</b>